

Dua lelaki salah guna dadah masing-masing dipenjara enam bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara enam bulan terhadap seorang lelaki berusia 28 tahun yang menyalahgunakan Amphetamine dan Methamphetamine, lapan tahun lalu.

Majistret Nursyaheeqa Nazwa Radzali menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Alif Jamri selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952, yang dihukum di bawah Seksyen 15(1) akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua

tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 dan pengawasan selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada tiga tahun, jika sabit kesalahan.

Mohamad Alif didapati positif Amphetamine dan Methamphetamine di pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Daerah Kuching sekitar jam 10.40 pagi pada 23 Julai 2017.

Sementara itu dalam prosiding berasingan, Mohd Adi Suhaimi Mohd Asroy, 33, turut dijatuhkan hukuman penjara enam bulan oleh Nursyaheeqa selepas mengaku bersalah atas pertuduhan di bawah

Seksyen 15(1)(a) ADB 1952.

Mohd Adi didapati positif Amphetamine dan Methamphetamine di pejabat yang sama kira-kira jam 2.55 petang pada 22 Mac 2023.

Mahkamah memerintahkan kedua-dua tertuduh menjalani pengawasan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) selama tempoh dua tahun selesai menjalani hukuman penjara.

Pendakwaan bagi kedua-dua kes dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Afiq Saflly Nor Kazly sementara Mohamad Alif dan Mohd Adi tidak diwakili peguam.